

**NO. SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO  
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 9 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7933**

**SOALAN:**

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan untuk membina sebuah Balai Polis Daerah Oya di Bahagian Mukah, Sarawak kerana tapak tanah sudah disediakan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Cadangan untuk pembinaan Balai Polis Oya Dalat, Sarawak (kategori B) telahpun disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah peruntukan PBLT Sdn. Bhd. Projek ini dirancang untuk dilaksanakan di atas Lot 294 BLK, Hakmilik: FLC dengan keluasan 1.95 hektar merangkumi skop Balai Polis, Perumahan dan bangunan sokongan yang lain.**